

# Pas jahil Perlembagaan Negara

BH 30 MAR 2000

KOTA BHARU. Rabu – Tindakan Pas menuduh Raja-Raja Melayu berpolitik jika mereka campur tangan dalam menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini tidak berasas.

Ketua Pengarah Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir berkata, tindakan itu menggambarkan Pas jahil dan tidak memahami Perlembagaan Negara dan hal ehwal politik Islam.

Menumtnya, kenyataan pemimpin Pas mengenai perkara itu bercanggah dengan tugas Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam dan tonggak perpaduan rakyat khususnya orang Melayu.

“Saya tidak nampak alasan kukuh ada pihak yang tidak bersetuju dan meragui peranan raja-raja dalam menyatupadukan umat Islam yang berpecah akibat perbezaan fahaman politik,” katanya kepada *Beritu Harian* ketika dihubungi di Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau yang juga Ketua Penerangan Umno

Kelantan menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa parti itu tetap menuduh raja berpolitik jika mereka campur tangan dalam menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam negara ini akibat perbezaan fahaman politik.

Ini kerana, menurut Nik Abdul Aziz, perpecahan yang berlaku adalah berpunca daripada Umno yang didakwa membawa fahaman sekular dan jelas bercanggah dengan Islam.

Sebelum ini, Majlis Raja-Raja Melayu yang bersidang di Kuala Lumpur, bersetuju mengambil tindakan tertentu bagi menyatukan semula umat Islam di negara ini yang berpecah akibat politik.

Persetujuan itu dicapai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi taklimat khas kepada mesyuarat berkenaan mengenai perpaduan umat Islam di negara ini sekarang.

Zainal Abidin juga menafikan kenyataan pe-

mimpin Pas itu yang meletakkan kesalahan pada Umno kerana menjadi punca menyebabkan perpecahan berlaku di kalangan umat Islam.

“Kita tidak boleh menafikan bahawa perpecahan itu berpunca daripada Pas yang mengeluarkan fakta mengkafirkan orang Umno menyebabkan ada ahli Pas yang taksab kepada parti terpengaruh dengan fahaman itu menyebabkan berlaku pulau-memulau atau sembahyang dua imam.

“Sebaliknya, kerajaan menerusi Umno sentiasa menyeru kepada perpaduan, malah menubuhkan Kementerian Perpaduan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perpaduan di kalangan rakyat negara ini,” katanya.

Sehubungan itu, beliau kesal sikap pemimpin Pas yang sentiasa berdolak-dalik dalam mengeluarkan kenyataannya terutama apabila menyentuh soal politik.

Mereka sebaliknya lebih mementingkan parti daripada melihat orang Melayu bersatu padu dan hidup dalam keadaan aman dan damai.